Kandungan

Rekod Pentaksiran Murid Ekonomi Tingkatan 4 iii – vi

Bab 1 Pengenalan Kepada Ekonomi 1

Nota Pecut 1

1.1 Konsep Kekurangan, Pilihan dan Kos Lepas 3
Info

1.2 Sistem Ekonomi dan Penyelesaian Masalah Asas Ekonomi 13
Info Video Komik

Praktis SPM 1 POT 20

Bab 2 Pasaran 27

Nota Pecut 27

2.1 Keseimbangan Pasaran 30
Video

2.2 Keanjalan Harga 48
Info Komik

Praktis SPM 2 POT 59

Bab 3 Wang, Bank dan Pendapatan Individu 69

Nota Pecut 69

3.1 Wang dan Bank 71
Info

3.2 Pendapatan Individu 78
Video

3.3 Penggunaan Pendapatan Individu 85
Video Komik

Praktis SPM 3 POT 99

Bab 4 Pengeluaran 107

Nota Pecut 107

4.1 Konsep Pengeluaran, Kos dan Hasil 109
Info

4.2 Produktiviti dan Eksternaliti 117
Video Komik

Praktis SPM 4 POT 124

Pentaksiran Akhir Tahun 132

ePentaksiran Akhir Tahun Kod QR

Jawapan

https://plus.pelangibooks.com/Resources/ModulKompetensi/EkonomiT4/Jawapan.pdf

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Rekod Pentaksiran Murid

Ekonomi Tingkatan 4

Nama: ..... *Tingkatan:* .....

BAB	STANDARD PRESTASI		PENCAPAIAN	
	TAHAP PENGUASAAN	DESKRIPTOR	(✓) MENGUASAI	(7) BELUM MENGUASAI
1 PENGENALAN KEPADA EKONOMI	**1.1 Konsep Kekurangan, Pilihan dan Kos Lepas**			
	TP1	Menyatakan maksud kekurangan, pilihan dan kos lepas		
	TP2	Menerangkan konsep kekurangan berasaskan faktor pengeluaran terhad		
	TP3	Menjelaskan konsep kekurangan, pilihan dan kos lepas dari sudut individu, firma dan kerajaan berdasarkan contoh		
	TP4	Mengaplikasikan konsep kos lepas dengan menganalisis satu situasi dan membuat keputusan		
	TP5	Membuat keputusan pemilihan di antara dua alternatif barang dan perkhidmatan berdasarkan keluk kemungkinan pengeluaran		
	TP6	Menilai kos dan faedah yang terlibat daripada beberapa alternatif program komuniti/ masyarakat/kerajaan. Buat pilihan dari penilaian tersebut dan berikan justifikasi		
	1.2 Sistem Ekonomi dan Penyelesaian Masalah Asas Ekonomi			
	TP1	Menyatakan empat masalah asas ekonomi		
	TP2	Menerangkan maksud ringkas sistem ekonomi pasaran bebas, sistem ekonomi perancangan pusat dan sistem ekonomi campuran		
	TP3	Menerangkan ciri-ciri utama sistem ekonomi pasaran bebas, sistem ekonomi perancangan pusat, sistem ekonomi campuran dan sistem ekonomi Islam serta mengenal pasti contoh negara yang mirip kepada sistem berkenaan		
	TP4	Membezakan cara masalah asas ekonomi diuruskan oleh negara-negara yang mirip kepada sistem ekonomi perancangan pusat, sistem ekonomi pasaran bebas dan sistem ekonomi campuran		
	TP5	Membandingkan bagaimana masalah penentuan jenis barang yang hendak dikeluarkan, penentuan kadar upah dan harga diuruskan oleh sistem ekonomi pasaran bebas dan sistem ekonomi perancangan pusat berdasarkan contoh		
	TP6	Mengenal pasti ciri-ciri ekonomi campuran di Malaysia berdasarkan contoh dan memberi cadangan sejauh mana perlunya campur tangan kerajaan		

Tahap Penguasaan Bab 1 TP 1 ☐ TP 2 ☐ TP 3 ☐ TP 4 ☐ TP 5 ☐ TP 6 ☐

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

Bab
1 Pengenalan kepada Ekonomi

NOTA PECUT



1. Definisi ekonomi
- Merupakan bidang sains sosial
- Bagaimana manusia memperuntukkan sumber ekonomi yang terhad
- Memenuhi kehendak manusia yang tidak terhad

2. Faktor pengeluaran

Jenis	Tanah	Buruh	Modal	Usahawan
Maksud	Anugerah alam semula jadi	Tenaga manusia dari segi mental dan fizikal	Wang dan alatan	Individu yang menggabungkan faktor pengeluaran
Ganjaran	Sewa	Upah	Faedah	Untung
Jumlah	Terhad	Terhad	Terhad	Terhad
Contoh	Sumber alam	Pekerja mahir dan tidak mahir	Modal perniagaan	Pengusaha bas sekolah

3. Unit ekonomi

Isi rumah/individu	Individu yang tinggal di dalam sebuah rumah
Firma	Pengeluar barang dan perkhidmatan
Kerajaan	Pihak yang memerintah sebuah negara

4. Masalah ekonomi – kekurangan / pilihan / kos lepas

Unit ekonomi / Masalah ekonomi	Individu	Firma	Kerajaan
Kekurangan	Pendapatan terhad tetapi kehendak tidak terhad	Sumber ekonomi terhad tetapi projek tidak terhad	Sumber hasil terhad tetapi projek pembangunan tidak terhad
Pilihan	Barang yang memberi kepuasan maksimum	Projek yang membawa untung maksimum dan kos minimum	Projek pembangunan yang membawa kebajikan maksimum kepada masyarakat
Kos lepas	Nilai barang kedua terbaik	Projek kedua terbaik	Projek pembangunan kedua terbaik

5. Keluk kemungkinan pengeluaran
Maksud: Had maksimum gabungan dua jenis barang yang dapat dihasilkan oleh sebuah ekonomi dengan menggunakan semua faktor pengeluaran sedia ada dan tingkat teknologi tertentu.
Andaian:
(a) Mengeluarkan dua jenis barang
(b) Tingkat teknologi tetap
(c) Ekonomi mencapai guna tenaga penuh
(d) Faktor pengeluaran tetap dan terhad

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Contoh:



Titik	Maksud
A	Semua faktor pengeluaran digunakan untuk menghasilkan barang *Y* sahaja.
B	Sebanyak 800 unit barang *X* dan 450 unit barang *Y* dikeluarkan dengan menggunakan semua faktor pengeluaran.
C	Sebanyak 1 600 unit barang *X* dan 300 unit barang *Y* dikeluarkan dengan menggunakan semua faktor pengeluaran.
D	Semua faktor pengeluaran digunakan untuk menghasilkan barang *X* sahaja.
W	Ada pembaziran sumber kerana bukan semua faktor pengeluaran digunakan dengan sepenuhnya.
Y	Ketidakupayaan ekonomi mengeluarkan barang *X* dan *Y* kerana kekurangan sumber ekonomi.

6. Masalah asas ekonomi

Jenis	Maksud	Penyelesaian
Apa	Jenis barang	Mekanisme pasaran atau permintaan masyarakat
Berapa	Kuantiti/ bilangan/ jumlah barang	Mekanisme pasaran atau permintaan masyarakat
Bagaimana	Teknik/ kaedah/ cara pengeluaran	Intensif buruh atau modal Untung maksimum dan kos minimum
Untuk siapa	Agihan barang/ pengguna	Agihan pendapatan atau kuasa beli

7. Ciri-ciri sistem ekonomi

Jenis / Ciri	Sistem ekonomi pasaran bebas	Sistem ekonomi perancangan pusat	Sistem ekonomi campuran	Ekonomi Islam
Pemilikan faktor pengeluaran	Individu dan swasta	Kerajaan	Swasta dan kerajaan	Tuhan (Allah)
Penentu kehendak	Pengguna bebas menentukan penggunaan dan pengeluar bebas menentukan aktiviti pengeluaran	Kerajaan menentukan penggunaan dan pengeluaran	Swasta ikut mekanisme pasaran manakala kerajaan keluarkan barang awam	Swasta ikut mekanisme pasaran dan ikut syariah manakala kerajaan keluarkan barang awam
Pembuat pilihan	Pengguna dan pengeluar bebas membuat pilihan	Pengguna dan pengeluar tidak bebas membuat pilihan	Pengguna dan pengeluar bebas membuat pilihan dengan kawalan kerajaan	Pengguna dan pengeluar bebas membuat pilihan berdasarkan syariah dengan kawalan kerajaan

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Buku Teks ms. 2 – 15

1.1 Konsep Kekurangan, Pilihan dan Kos Lepas

1. Lengkapkan rajah di bawah dan takrif ilmu ekonomi.

SP 1.1.1



(a) Sumber ekonomi _____ — Manusia — (b) Kehendak _____

(c) Ilmu ekonomi adalah satu bidang sains sosial _____

_____

Aktiviti 1.1.1

Buku Teks ms. 3

1. (a) _____

(b) Ekonomi klasik

Mengkaji ilmu ekonomi sebagai (i) _____ dalam usaha memenuhi keperluan manusia serta meneliti cara-cara yang digunakan bagi mencapai kekayaan tersebut. Fahaman ini berlandaskan teori (ii) _____ yang menyatakan bahawa kepentingan diri, persaingan, dan motif keuntungan mempengaruhi pilihan ekonomi, yang seterusnya secara tidak langsung memberi manfaat kepada masyarakat secara keseluruhan. Walau bagaimanapun, pendekatan ini turut membenarkan campur tangan kerajaan apabila berlakunya (iii) _____ supaya kebajikan sosial sentiasa terjamin.

Ekonomi neoklasik

Memberikan penekanan yang mendalam kepada (i) _____, di mana pemilikan kekayaan material dianggap sebagai sumber kepada kebajikan tersebut atau berfungsi sebagai (ii) _____, bukannya kekayaan itu sendiri yang menjadi matlamat akhir. Aliran ini mengkaji bagaimana (iii) _____ dan (iv) _____ berinteraksi untuk menentukan harga serta kuantiti dalam semua pasaran secara serentak. Di samping itu, ekonomi neoklasik menyokong campur tangan kerajaan yang (v) _____ dalam pengurusan ekonomi bagi memastikan kecekapan pasaran terus terpelihara.

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

(c) "Sains" merujuk kepada pendekatan _____ yang melibatkan penggunaan _____, model matematik, dan kerangka teori untuk menganalisis _____, membuat ramalan, dan menguji _____.

"Sosial" pula merujuk kepada _____ manusia, interaksi, dan sistem kemasyarakatan.

---

2. Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai. **TP 1**

SP 1.1.2

(a) Kehendak manusia ialah (i) _____ terhadap barang dan perkhidmatan untuk hidup dengan lebih selesa.

(b) Kekurangan merujuk situasi di mana (i) _____ yang sedia ada tidak mencukupi untuk memenuhi (ii) _____ yang tidak terhad.

(c) Masalah pilihan wujud apabila unit ekonomi perlu (i) _____ tentang (ii) _____ yang perlu dipenuhi dahulu dan ia melibatkan (iii) _____.

3. Nyatakan faktor pengeluaran berdasarkan pernyataan yang berikut.

SP 1.1.3

Pernyataan	Faktor pengeluaran
(i) Sanggup menanggung risiko	
(ii) Menyumbangkan tenaga mental dan fizikal	
(iii) Individu yang kreatif dan inovatif	
(iv) Anugerah daripada alam semula jadi	
(v) Berbentuk wang atau alatan	
(vi) Menggabung dan menyelaras faktor pengeluaran	
(vii) Terdiri daripada sumber yang boleh diperbaharui dan sumber tidak boleh diperbaharui	
(viii) Digunakan untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan	

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Aktiviti 1.1.3 **Buku Teks ms. 8**

2. Tanah

Modal

Buruh

Usahawan

4. Gambar rajah di bawah menunjukkan sesuatu masalah ekonomi. **TP 1**

SP 1.1.4



Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

Berdasarkan rajah di atas, isi tempat kosong bagi pernyataan berikut.

(a) **X** merujuk kepada _____.

(b) **X** merupakan (i) _____ daripada barang atau perkhidmatan (ii) _____ yang terpaksa dilepaskan apabila membuat sesuatu pilihan.

5. Lengkapkan jadual di bawah. **TP 3**

SP 1.1.4

Unit ekonomi	Isi rumah	Firma	Kerajaan
Maksud			

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Unit ekonomi	Isi rumah	Firma	Kerajaan
Kekurangan			
Matlamat pilihan			
Kos lepas			

6. Gambar di bawah menunjukkan perbualan antara Puan Dalila dengan anaknya, Munirah.

SP 1.1.5 1.1.6

TP 3 TP 4



Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

(a) Jelaskan masalah ekonomi yang dihadapi oleh unit ekonomi tersebut.

(b) Bagaimanakah Puan Dalila membuat pilihan?

(c) Berdasarkan jawapan anda di (b), jelaskan kesan pilihan yang dibuat oleh Puan Dalila.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Aktiviti 1.1.6B

SP 1.1.6

Buku Teks ms. 12

7. Perbualan berikut berkaitan dengan masalah ekonomi yang dihadapi oleh Syarikat Alatan Sukan Aman.

SP 1.1.5 1.1.6

TP 3 TP 4

Pengurus	:	Penerbitan saham baharu mendatangkan modal terkumpul sebanyak RM100 ribu. Apakah perancangan tuan?
Ketua Pegawai Eksekutif	:	Saya berancang untuk membuka cawangan baharu dengan kos sebanyak RM75 ribu. Pada masa yang sama, saya ingin membeli mesin alatan sukan yang lebih canggih bernilai RM68 ribu.

(a) Jelaskan masalah ekonomi yang dihadapi oleh unit ekonomi di atas.

(b) Bagaimanakah unit ekonomi di atas membuat pilihan?

(c) Huraikan implikasi pilihan yang dibuat oleh unit ekonomi di atas.

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

8. Jadual di bawah berkaitan dengan pengeluaran Syarikat Seri Santai.

SP 1.1.6

Teknik Pengeluaran	Sos Cili (botol)	Sos Tiram (botol)
W	0	100
X	20	80
Y	60	50
Z	80	20



Hitungkan kos lepas yang dihadapi oleh Syarikat Seri Santai, jika menukar teknik pengeluaran daripada X kepada Z.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

9. Maklumat berikut menunjukkan pilihan kaedah pengeluaran Syarikat Diwali Berhad. **TP 5**

SP 1.1.6

Keluaran	Kaedah P	Kaedah Q
Kasut sukan (unit)	5 000	2 600
Kasut sekolah (unit)	4 000	7 000

(a) Hitungkan kos lepas yang dihadapi oleh syarikat tersebut, jika menukar kaedah pengeluaran daripada kaedah P kepada kaedah Q.

(b) Mengapakah syarikat tersebut menghadapi masalah di **9**(a)?

10. Takrifkan Keluk Kemungkinan Pengeluaran (KKP).

11. Dengan menggunakan peta i-THINK yang sesuai, tunjukkan andaian keluk kemungkinan pengeluaran.

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Aktiviti 1.1.7

Buku Teks ms. 15

(a)



Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

(b) (i)

(ii)

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

(c) (i)

(ii)



12. Rajah di bawah berkaitan pengeluaran dua jenis barang oleh sebuah perniagaan. **TP 5**

SP 1.1.7

KBAT Menganalisis



Jika anda sebagai pemilik perniagaan tersebut, kombinasi pengeluaran manakah yang menjadi pilihan untuk memperolehi untung yang maksimum? Jelaskan.

Kombinasi T

Kata Kunci satu barang sahaja, permintaan berpanjangan, ekonomi bidangan

Kombinasi X

Kata Kunci satu barang sahaja, musim perayaan, cita rasa pengguna, strategi jualan

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

Kombinasi V

Kata Kunci dua jenis barang, pasaran dipelbagaikan, risiko perniagaan dikurangkan

13. Maklumat di bawah berkaitan dengan projek pengangkutan Transit Aliran Ringan 3 (LRT3). **TP 6**

KBAT Menilai

KUALA LUMPUR: Kerajaan akan meneruskan semula cadangan pembinaan lima stesen Transit Aliran Ringan 3 (LRT3) yang dibatalkan sebelum ini. Lima stesen berkenaan merangkumi stesen Tropicana, Raja Muda, Temasya, Bukit Raja dan Bandar Botanik.

"Pengekalan stesen ini dijangka melengkapi dan menambah baik jaringan pengangkutan awam di Lembah Klang yang bakal memanfaatkan 2 juta penduduk dengan kos sebanyak RM4.7 bilion," kata Perdana Menteri ketika membentangkan Belanjawan 2024 di Parlimen. Projek ini bermula di Bandar Utama dan berakhir di Johan Setia, Selangor dijangka memulakan operasi pada 1 Mac 2025 dan mampu menampung 18 630 penumpang bagi setiap jam. Projek itu juga akan memiliki dua stesen pertukaran, iaitu di Bandar Utama yang menghubungkan laluan MRT Kajang Line ke LRT3 dan Glenmarie yang menghubungkan antara Kelana Jaya Line dengan LRT3.

(Dipetik dan disesuaikan daripada: www.bharian.com.my)

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Kemukakan pandangan anda tentang faedah dan kos pelaksanaan projek di atas.

Faedah projek pembinaan Transit Aliran Ringan 3 (LRT3):

Kata Kunci masa dan kos, peluang pekerjaan, taraf hidup

Kos projek pembinaan Transit Aliran Ringan 3 (LRT3):

Kata Kunci perbelanjaan tinggi, kos penyelenggaraan, kesan luaran

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

14. Maklumat di bawah berkaitan dengan sebuah kempen yang dilaksanakan oleh kerajaan. **TP 6**

KBAT Menilai

Galakan Membawa Beg Kitar Semula Semasa Membeli-Belah di Wilayah Persekutuan

Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) telah memperkenalkan penggunaan plastik biodegradasi bagi mengatasi masalah kos pengurusan sisa pepejal plastik biasa yang tinggi dan pencemaran alam sekitar sejak tahun 2016. Malah, KWP turut mengadakan pelbagai kempen *"No Polistrine & Plastic Bag"* serta aktiviti kesedaran dalam mendidik warga Wilayah Persekutuan ke arah bandar hijau *(green city)*. Melalui pelaksanaan kempen ini, Wilayah Persekutuan telah lebih ke hadapan berbanding negeri lain. Inisiatif hijau yang telah diperkenalkan dan dilaksanakan di Wilayah Persekutuan sejak 2016 kini telah menjadi agenda negara. Kerajaan melalui Kementerian Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) telah mula melaksanakan *Roadmap Towards Zero Single-Use Plastics 2018-2030* bagi mengatasi masalah pencemaran sisa plastik. Malah, MESTECC turut membenarkan semua kerajaan negeri termasuk Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan mengenakan caj pencemaran sebanyak RM0.20 kepada setiap beg plastik yang digunakan oleh pengguna semasa membeli-belah. Caj pencemaran di Wilayah Persekutuan akan mula dilaksanakan pada 15 Mac 2019 dan caj tersebut hanya boleh dikenakan ke atas setiap beg plastik biodegradasi, manakala tindakan penguatkuasaan diteruskan kepada peniaga dan penjaja yang masih menggunakan beg plastik konvensional.

(Sumber: www.ptgwp.gov.my)

Kempen tersebut memberi manfaat kepada masyarakat. Jelaskan pendapat anda.

Kata Kunci pencemaran, kos pelupusan, ekosistem, kitar semula

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd



Buku Teks ms. 16 – 35

1.2 Sistem Ekonomi dan Penyelesaian Masalah Asas Ekonomi

15. Senaraikan masalah asas ekonomi. TP 1

SP 1.2.1

(i) _____

(ii) _____

(iii) _____

(iv) _____

VIDEO

Masalah asas ekonomi VS Sistem ekonomi

Aktiviti 1.2.1

Buku Teks ms. 19

1. (a) _____

(b) _____

(c) _____

(d) _____

KOMIK

Kriteria Asas Sistem Ekonomi

16. Situasi di bawah berkaitan dengan masalah asas ekonomi.

SP 1.2.1

Syarikat Merah Padu Berhad bercadang untuk mengeluarkan 300 000 keping fail kertas. Fail kertas ini sesuai untuk murid sekolah dan juga pelajar kolej. Kilang syarikat ini menggunakan teknologi pengeluaran Taiwan yang dapat menjimatkan kos buruh sehingga 40%.

Jelaskan masalah asas ekonomi yang diselesaikan dalam situasi di atas.

Apa yang hendak dikeluarkan

_____

_____

Berapa yang hendak dikeluarkan

_____

_____

Bagaimana hendak dikeluarkan

_____

_____

_____

_____

Untuk siapa dikeluarkan

_____

_____

_____

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

17. Gambar rajah berikut menunjukkan pengelasan sesebuah sistem ekonomi. **TP 2**

SP 1.2.2



INFO

Sistem ekonomi campuran

Berdasarkan rajah di atas, terangkan secara ringkas tentang ketiga-tiga jenis sistem ekonomi.

(a) Sistem ekonomi **A**

(b) Sistem ekonomi **C**

(c) Sistem ekonomi **B**

18. Tandakan (✓) pada kelebihan yang berkaitan dengan sistem ekonomi Hong Kong. **TP 3**

SP 1.2.2

Kelebihan	
(a) Teknologi dapat berkembang dengan pantas disebabkan oleh persaingan firma.	
(b) Pengagihan barang atau perkhidmatan adalah sama rata.	
(c) Firma memaksimumkan pengeluaran barang atau perkhidmatan pada kos minimum.	
(d) Kerajaan mengutamakan pengeluaran barang awam.	
(e) Isi rumah bebas memilih barang atau perkhidmatan yang dikehendaki.	
(f) Firma bebas mengeluarkan barang atau perkhidmatan yang diminta oleh isi rumah.	
(g) Individu cenderung mengumpul kekayaan tanpa batasan.	
(h) Kos sosial yang mungkin berlaku diambil kira oleh kerajaan.	
(i) Kepuasan isi rumah dapat dimaksimumkan.	
(j) Kerajaan menikmati ekonomi bidangan akibat daripada pengeluaran berskala besar.	

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

19. Lengkapkan jadual di bawah. TP 2

SP 1.2.2

Ciri	Sistem ekonomi pasaran bebas	Sistem ekonomi perancangan pusat	Sistem ekonomi campuran
Pemilikan faktor pengeluaran	Dimiliki oleh individu dan sektor swasta	(a)	(b)
Penentu kehendak	(c)	(d)	Pengguna dan pengeluar membuat keputusan ekonomi dan kerajaan menyediakan barang awam
Pembuat pilihan	(e)	Individu dan pengeluar tidak mempunyai kebebasan dalam membuat pilihan	(f)
Contoh negara	Amerika Syarikat	(g)	Malaysia 

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Aktiviti 1.2.2 Buku Teks ms. 23

(a) _____

(b) _____

(c) China telah mengubah sistem ekonomi dari sistem ekonomi (i) _____ ke sistem ekonomi campuran. Ekonomi negara dibuka kepada negara asing. (ii) _____ mengalir ke negara China dan sektor perindustrian berkembang pesat. Tetapi kerajaan masih mengambil peranan penting dalam aktiviti ekonomi.

(d) Saya bersetuju. Pembaharuan yang dijalankan oleh negara China telah meningkatkan (i) _____ negara. Firma bebas melakukan projek pelaburan bagi meningkatkan keuntungan. Isi rumah mempunyai lebih banyak pilihan bagi (ii) _____. Peluang pekerjaan bertambah menyebabkan kadar guna tenaga meningkat dan kadar pengangguran menurun. Pendapatan negara meningkat membolehkan (iii) _____ kerajaan bertambah. Hasil kerajaan dapat digunakan bagi menyediakan (iv) _____ bagi memaksimumkan kebajikan masyarakat. Secara keseluruhannya, (v) _____ rakyat meningkat.

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

---

20. Perbualan di bawah menunjukkan mesyuarat pengurusan atasan Syarikat Munir Sdn. Bhd.. **TP 4**

SP 1.2.3

Pengarah Urusan	:	Syarikat kita bercadang untuk memasarkan barangan ke luar negara. Ada cadangan?
Pengurus **A**	:	Saya cadangkan negara *W* di mana menggalakkan persaingan bebas.
Pengurus **B**	:	Saya cadangkan negara *M*. Walaupun kerajaan bercampur tangan, kami masih boleh mendapatkan keuntungan.

(a) Kenal pasti sistem ekonomi negara *M* dan negara *W*.

Negara *M*: _____

Negara *W*: _____

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

(b) Bagaimanakah sistem ekonomi di **20**(a) menyelesaikan masalah asas ekonomi berikut?

Masalah asas ekonomi	Negara *M*	Negara *W*
Apa yang hendak dikeluarkan		
Bagaimana hendak dikeluarkan		

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

21. Maklumat di bawah menunjukkan sistem ekonomi yang diamalkan oleh negara *X* dan negara *Y*.

SP 1.2.3 TP 5

Negara *X*	Negara *Y*
Di negara *X*, firma milik kerajaan menyediakan barang dan perkhidmatan yang telah ditentukan oleh kerajaan. Keutamaan diberikan kepada pengeluaran barang yang membawa faedah sosial yang tinggi. Kawalan kerajaan ke atas pengeluaran barang menyebabkan tiada persaingan dalam kalangan pengeluar. Harga barang ditentukan oleh kerajaan. Barang tertentu juga diagihkan terus kepada pengguna dengan menggunakan sistem catuan. Kerajaan negara *X* memastikan semua rakyat dapat memenuhi keperluan asas. Ketiadaan kesatuan sekerja di negara *X* menyebabkan penentuan kadar upah ditentukan oleh kerajaan. Kadar upah pekerja di negara *X* juga tidak bergantung kepada daya pengeluaran pekerja.	Di negara *Y*, sektor swasta dan pengguna mempunyai kebebasan sepenuhnya dalam menentukan jenis dan kuantiti barang yang dikeluarkan. Pengguna dianggap sebagai raja serta keperluan dan cita rasa pengguna diambil kira. Harga barang ditentukan oleh permintaan dan penawaran pasaran. Peningkatan permintaan sesuatu barang akan mewujudkan kekurangan barang di pasaran dan ini menyebabkan harga barang itu meningkat. Di negara *Y*, rundingan antara majikan dan kesatuan sekerja akan memberi kesan kepada kadar upah yang diterima oleh pekerja. Perbezaan upah dalam kalangan pekerja yang melakukan pekerjaan yang sama mungkin disebabkan kemahiran dan daya pengeluaran pekerja berkenaan.

(a) Kenal pasti sistem ekonomi negara *X* dan negara *Y*.



Negara *X*: _____

Negara *Y*: _____

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

(b) Bandingkan cara sistem ekonomi di (a) membuat penentuan berikut:

Aspek	Negara *X*	Negara *Y*
Penentuan jenis barang yang hendak dikeluarkan		
Penentuan harga		
Penentuan kadar upah		

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

22. Jelaskan **tiga** ciri utama ekonomi Islam. TP 3

SP 1.2.4

(a) _____

_____

_____

(b) _____

_____

_____

(c) _____

_____

_____

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

23. Maklumat di bawah berkaitan dengan sistem ekonomi di Malaysia.

SP 1.2.4

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata langkah seterusnya dalam rancangan kerajaan untuk ekonomi negara adalah memastikan gaji melebihi kos sara hidup.

Kata Rafizi, sekiranya inflasi dapat dikekalkan di bawah dua peratus untuk beberapa tahun akan datang, campur tangan kerajaan untuk meningkatkan gaji dan mewujudkan pekerjaan berpendapatan tinggi akan mula mengurangkan tekanan kos sara hidup.

"Jadi saya yakin, apabila data-data gaji dimuktamadkan bagi tahun 2025 dan tahun 2025 ini adalah tahun yang penting kerana ketiga-tiga campur tangan kerajaan untuk menaikkan gaji ini akan berlaku serentak."

"Kenaikan gaji kakitangan awam, kenaikan gaji minimum, dan juga pelaksanaan gaji progresif dengan menggunakan RM200 juta yang pertama," katanya dalam ucapan penggulungan titah diraja, di Dewan Rakyat, hari ini.

(Sumber: www.malaysiakini.com/news/735084)

Kata Kunci barang awam, undang-undang, kebajikan masyarakat

(a) (i) Berdasarkan petikan di atas, kenal pasti sistem ekonomi yang diamalkan di Malaysia.

(ii) Berikan **satu** contoh negara lain yang mengamalkan sistem ekonomi yang sama seperti Malaysia.

(b) Jelaskan ciri-ciri sistem ekonomi di atas dari segi peranan kerajaan.

(c) Selain meningkatkan gaji, huraikan jenis campur tangan yang dapat dilakukan oleh kerajaan untuk memaksimumkan kebajikan masyarakat.



Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

Tahap Penguasaan Bab 1 TP 1 TP 2 TP 3 TP 4 TP 5 TP 6

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Praktis SPM 1

Kertas 1

Pilih jawapan yang paling **tepat**.

1. Buku Teks ms. 2
Antara berikut, pernyataan yang manakah menerangkan ilmu ekonomi?
A Sumber ekonomi yang tidak terhad untuk memenuhi kehendak yang tidak terbatas
B Sumber ekonomi yang terhad untuk memenuhi kehendak yang terhad
C Sumber ekonomi yang terhad untuk memenuhi kehendak yang tidak terbatas
D Sumber ekonomi yang tidak terhad untuk memenuhi kehendak yang terhad

2. Buku Teks ms. 4 – 5
Apakah tujuan individu membuat pilihan dalam menyelesaikan masalah ekonomi?
A Mengutamakan keselesaan
B Memaksimumkan perbelanjaan
C Mengutamakan barang kehendak
D Memaksimumkan utiliti terhadap barang

3. Buku Teks ms. 4 – 6
Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah syarikat.

> Syarikat SPK merupakan sebuah syarikat yang mengeluarkan kasut kulit berjenama PinQ. Namun begitu, Syarikat SPK hanya dapat mengeluarkan beg tangan untuk wanita dan terpaksa menangguhkan pengeluaran kasut kulit.

Apakah masalah ekonomi yang perlu ditimbang oleh syarikat tersebut?
A Kekurangan **C** Pilihan
B Kos lepas **D** Motif

4. Buku Teks ms. 7 – 8
Maklumat di bawah menunjukkan ciri suatu sumber ekonomi.

> • Kreatif dan inovatif
> • Sanggup menanggung risiko kebakaran

Sumber ekonomi tersebut mungkin merujuk kepada
A Kementerian Pendidikan Malaysia
B Penduduk Kampung Teloi Kanan
C Jabatan Kesihatan Malaysia
D Pengusaha Ladang Sawit

5. Buku Teks ms. 7 – 8
Antara berikut yang manakah **benar** tentang faktor pengeluaran yang mendapat ganjaran untung?
I Membenarkan orang lain menguruskan hutangnya
II Menangguhkan perbelanjaannya pada masa sekarang
III Kecekapan menyelaraskan faktor-faktor pengeluaran
IV Menggabung sumber ekonomi untuk memaksimumkan keuntungan
A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

6. Buku Teks ms. 7 – 8
Maklumat berikut berkaitan dengan satu sumber ekonomi.

> Membekalkan tenaga manusia dari segi fizikal dan mental dalam proses pengeluaran.

Sumber di atas
A menerima ganjaran untung
B tidak mempunyai mobiliti pekerjaan
C mempunyai mobiliti geografi yang tinggi
D memiliki sifat keberanian dalam menghadapi risiko

7. Buku Teks ms. 9 – 12
Pernyataan manakah yang menerangkan kos lepas bagi firma?
A Kos yang dibayar walaupun proses pengeluaran tidak dijalankan
B Perbelanjaan yang tidak dikeluarkan untuk menghasilkan barang dan perkhidmatan
C Keluaran kedua terbaik yang dilepaskan bagi mendapatkan keluaran terbaik
D Input yang ditambah dalam proses pengeluaran bagi meningkatkan output

8. Buku Teks ms. 10 – 12
Rajah 1 menunjukkan masalah yang dihadapi oleh unit isi rumah.

Kekurangan → **Z** → Kos lepas

Rajah 1

Pilih pernyataan yang **betul** tentang **Z**.
A Membeli barang yang memaksimumkan kepuasan
B Output yang dipilih memberikan keuntungan kepada pengeluar
C Tindakan **Z** diambil akibat daripada pemilikan modal yang terhad
D Kesan tindakan **Z**, isi rumah melepaskan projek pelaburan yang terbaik

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

9. Jadual 1 menunjukkan kombinasi keluaran sesebuah firma.

Buku Teks ms. 9 – 12

Kombinasi (output)	Ayam (ekor)	Itik (ekor)
P	40	120
Q	60	80
R	80	40

Jadual 1

Jika firma mengubah kombinasi pengeluaran dari *P* ke *R* bagi pengeluaran ayam, berapakah kos lepasnya?

A 40 ekor ayam
B 80 ekor itik
C 120 ekor ayam
D 160 ekor itik

10. Rajah 1 merupakan keluk kemungkinan pengeluaran (KKP).

Buku Teks ms. 13 – 15



Rajah 2

Pernyataan yang manakah betul menerangkan rajah tersebut?

	Titik	Keterangan
A	M	Ketidakcekapan pengeluaran
B	N	Wujud kos lepas
C	R	Kombinasi pengeluaran optimum
D	S → T	Berlaku pembaziran sumber

11. Rajah 3 menunjukkan suatu keluk kemungkinan pengeluaran (KKP).

Buku Teks ms. 13 – 15



Rajah 3

Pernyataan manakah **betul** berkaitan dengan kombinasi pengeluaran **Y**?

I Berlaku ketidakupayaan pengeluaran
II Wujud pembaziran sumber dalam pasaran
III Ekonomi tidak mencapai tingkat guna tenaga penuh
IV Hanya dapat dicapai dengan peningkatan teknologi

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

12. Penyelesaian masalah corak agihan barang dan perkhidmatan adalah berdasarkan

Buku Teks ms. 16 – 19

A kuasa beli masyarakat
B kos pengeluaran firma
C kehendak pengeluar
D cita rasa pengguna

13. Maklumat berikut berkaitan dengan masalah asas ekonomi.

Buku Teks ms. 16 – 19

> Bagi memenuhi permintaan pasaran, Syarikat M membekalkan 10 000 unit komputer riba.

Antara berikut, masalah apakah yang telah diselesaikan?

I Apa yang hendak dikeluarkan
II Berapa yang hendak dikeluarkan
III Bagaimana hendak dikeluarkan
IV Untuk siapa hendak dikeluarkan

A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

14. Rajah 4 berkaitan dengan ciri sistem ekonomi.

Buku Teks ms. 20 – 23



Rajah 4

Apakah **S**?

A Semua faktor pengeluaran dimiliki oleh kerajaan secara mutlak
B Individu dan pihak swasta tidak bebas membuat pilihan
C Segala keputusan ekonomi ditentukan oleh kerajaan
D Terdapat kawalan kerajaan melalui undang-undang

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

15. Antara berikut, yang manakah ciri sistem ekonomi kapitalis?
Buku Teks ms. 20 – 23

I Tiada persaingan
II Pilihan pengguna bebas
III Harga ditentukan oleh kuasa pasaran
IV Motif pengeluaran memaksimumkan kepuasan

A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

16. Maklumat berikut berkaitan dengan ciri sistem ekonomi Negara **X** dan **Y**.
Buku Teks ms. 20 – 23

Negara X	Negara Y
Pilihan individu adalah terbatas	Pihak kerajaan dan mekanisme pasaran memainkan peranan dalam ekonomi

Kenal pasti sistem ekonomi Negara **X** dan **Y**.

	Negara X	Negara Y
A	Sistem ekonomi campuran	Sistem ekonomi perancangan pusat
B	Sistem ekonomi sosialis	Sistem ekonomi kapitalis
C	Sistem ekonomi kapitalis	Sistem ekonomi sosialis
D	Sistem ekonomi perancangan pusat	Sistem ekonomi campuran

17. Apakah tujuan kerajaan campur tangan dalam sistem ekonomi campuran?
Buku Teks ms. 20 – 27

A Mencapai guna tenaga penuh
B Mengawal sosiekonomi
C Mewujudkan monopoli pasaran
D Mengurangkan subsidi kepada pengeluar

18. Pernyataan yang manakah betul tentang penyelesaian masalah teknik pengeluaran bagi sistem ekonomi perancangan pusat?
Buku Teks ms. 28 – 61

A Kerajaan menentukan sepenuhnya kaedah dan jumlah pengeluaran
B Pengguna bebas menentukan kaedah pengeluaran firma
C Keputusan firma persendirian mempengaruhi jumlah penghasilan output
D Mekanisme harga pasaran menentukan kaedah pengeluaran

19. Berikut adalah cara penyelesaian masalah asas ekonomi dalam sistem ekonomi perancangan pusat. Pilih pasangan yang **betul**.
Buku Teks ms. 28 – 61

	Masalah asas ekonomi	Cara penyelesaian
A	Apa yang hendak dikeluarkan	Diselesaikan melalui kuasa kerajaan dan kuasa pasaran
B	Berapa yang hendak dikeluarkan	Ditentukan oleh mekanisme harga
C	Bagaimana hendak dikeluarkan	Pemilihan kaedah yang cekap dengan mengambil kira kos dan keuntungan
D	Untuk siapa dikeluarkan	Kerajaan memastikan barangan diagihkan secara adil dan saksama

20. Pernyataan yang manakah **betul** tentang sistem ekonomi Islam?
Buku Teks ms. 32 – 35

A Keseimbangan antara kepentingan individu dan masyarakat
B Individu bebas mengaut keuntungan daripada aktiviti pengeluaran
C Segala keputusan ekonomi ditentukan oleh badan perancangan pusat
D Mementingkan pembangunan ekonomi daripada kesejahteraan masyarakat

Soalan 21 *hingga* **Soalan 25** *berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual di bawah.*

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

21. I Ekonomi adalah penyesuaian antara sumber ekonomi yang terhad dengan kehendak yang tidak terbatas.
II Kehendak adalah barang yang mesti dipenuhi oleh manusia.

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

22. I Kerajaan menghadapi masalah kekurangan buruh untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan.
II Tujuan kerajaan membuat pilihan adalah untuk memaksimumkan kepuasan pengguna.

23. I Setiap pilihan yang dibuat melibatkan kos lepas.
II Kos lepas bagi firma ialah output kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan.

24. I Keluk kemungkinan pengeluaran menunjukkan tahap maksimum tingkat pengeluaran dalam proses pengeluaran.
II Titik di sepanjang keluk kemungkinan pengeluaran menunjukkan ekonomi mencapai guna tenaga penuh.

25. I Mekanisme harga merujuk kepada interaksi kuasa permintaan dan penawaran dalam pasaran.
II Mekanisme harga merupakan cara penentuan harga dalam sistem ekonomi kapitalis.

Kertas 2

Bahagian A

1. (a) Maklumat berikut berkaitan dengan masalah yang dihadapi oleh seorang peniaga.

Puan Aminah mempunyai modal sebanyak RM20 000 untuk memulakan perniagaan. Kos untuk memulakan perniagaan menjahit pakaian ialah RM12 000 manakala perniagaan menjual kuih-muih ialah RM8 000.

Bagaimanakah Puan Aminah menyelesaikan masalah ekonomi tersebut?

[5 *markah*]

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

(b) Maklumat berikut berkaitan dengan ciri ekonomi campuran.

Kerajaan dan sektor swasta sama-sama memainkan peranan dalam kegiatan ekonomi negara.

Jelaskan ciri tersebut

[5 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

(c) Rajah 1 menunjukkan satu unit ekonomi.



Rajah 1

Terangkan masalah ekonomi yang dihadapi oleh unit ekonomi itu.

[6 *markah*]

(d) Terangkan ciri-ciri sistem ekonomi Islam.

[4 *markah*]

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

2. (a) Rajah di bawah menunjukkan keluk kemungkinan pengeluaran sebuah firma alat permainan kanak-kanak.



Rajah 2

Jelaskan perubahan kombinasi pengeluaran tersebut.

[6 *markah*]

(b) Maklumat berikut berkaitan dengan masalah asas ekonomi.

Syarikat Khairul merupakan pengeluar sambal di Malaysia. Beliau ingin meluaskan pasarannnya ke negara lain.

Terangkan **dua** masalah asas ekonomi yang perlu diselesaikan.

[4 *markah*]

(c) Maklumat berikut berkaitan dengan sistem ekonomi negara Y.

Negara Y	Sebelum 1987	Selepas 1987
Kawalan kerajaan	100%	70 %
Dasar kerajaan	Ekonomi tertutup	Ekonomi terbuka
Kadar kemiskinan	35%	Semakin menurun

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Beri justifikasi pembaharuan ekonomi tersebut terhadap rakyatnya.

[5 *markah*]

(d) Jelaskan cara Amerika Syarikat menyelesaikan masalah asas ekonomi berikut:

(i) Apa yang hendak dikeluarkan?

[2 *markah*]

(ii) Bagaimana hendak dikeluarkan?

[3 *markah*]

POT
Enrolment key ♥
xRQDPt9#

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

Bahagian B

3. Maklumat di bawah berkaitan dengan sesuatu dasar kerajaan.

Dalam pembangunan infrastruktur bertaraf dunia dan tranformasi luar bandar, kerajaan akan melaksanakan beberapa pembaharuan dalam projek pembangunan seperti berikut:

- Projek Persimpangan Bertingkat Lebuhraya Utara-Selatan
- Desa Lestari
- Jalan Luar Bandar
- Bekalan Air Luar Bandar
- Bekalan Elektrik Luar Bandar

(a) Jelaskan masalah ekonomi yang dihadapi oleh unit ekonomi di atas. [5 *markah*]

(b) Mengapakah kerajaan melaksanakan projek-projek tersebut? [9 *markah*]

(c) Projek tersebut memberi manfaat terbesar kepada unit ekonomi. Jelaskan. [6 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Pentaksiran Akhir Tahun

ePAT

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

[40 *markah*]

SKOR /100

Arahan: *Kertas soalan ini mengandungi* **40** *soalan. Jawab* **semua** *soalan. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu* **A**, **B**, **C** *dan* **D**. *Bagi setiap soalan, pilih* **satu** *jawapan sahaja.*

1. Pernyataan di bawah menunjukkan satu masalah ekonomi.

Perbelanjaan yang dirancang melebihi pendapatan yang diperoleh.

Unit ekonomi manakah yang mungkin menghadapi masalah tersebut?

A Firma Elmira Sdn Bhd
B Jabatan Perkhidmatan Haiwan
C Puan Aminah
D Pemilik Ceria Enterprise

2. Maklumat tersebut berkaitan dengan faktor pengeluaran.

X	Y
Mempunyai risiko dan tanggungjawab menguruskan perniagaan	Boleh digunakan berulang kali tanpa mengalami susut nilai

Apakah ganjaran yang diperoleh oleh faktor pengeluaran tersebut?

	X	Y
A	Upah	Sewa
B	Untung	Sewa
C	Bunga	Upah
D	Sewa	Untung

3. Ahmad ingin membeli sebuah beg sekolah baharu. Harga beg untuk jenama Kuat ialah RM75.90 manakala jenama Ringan berharga RM65.50.
Apakah kos lepasnya jika dia mempunyai wang RM70?

A Kos lepas ialah beg jenama Ringan
B Kos lepas ialah beg jenama Kuat
C Kos lepas ialah beg jenama Kuat dan Ringan
D Tiada kos lepas

4. Maklumat berikut berkaitan dengan penyelesaian masalah asas ekonomi.

Kenaikan kos sewa kilang telah menyebabkan firma pengeluar pakaian berpindah daripada kaedah pengeluaran secara buruh intensif kepada kaedah pengeluaran secara modal intensif.

Pernyataan tersebut merujuk kepada

A jenis output
B kuantiti barang
C teknik pengeluaran
D corak agihan pendapatan pengguna

5. Pernyataan yang manakah betul tentang keluk permintaan pasaran?

A Diperoleh dengan menambah kuantiti diminta oleh semua individu pada setiap tingkat harga yang sama
B Mencerun ke atas dari kiri ke kanan
C Peningkatan harga barang penggenap menyebabkan keluk beralih ke kanan
D Hubungan antara harga dan kuantiti diminta adalah positif

6. Maklumat berikut berkaitan dengan tiga jenis barang dalam pasaran.

Harga barang A	Kuantiti diminta barang B	Kuantiti diminta barang C
Naik	Turun	Naik

Apakah contoh barang yang berkaitan dengan situasi tersebut?

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Kertas 2

Dua jam lima belas minit

Bahagian A
[60 *markah*]

Jawab **semua** *soalan di bahagian ini.*

1. (a) Maklumat berikut berkaitan dengan satu sumber ekonomi:

Sumber yang ditawarkan oleh alam semula jadi.

(i) Nyatakan sumber ekonomi tersebut.

_____

[1 *markah*]

(ii) Jelaskan ciri-ciri sumber ekonomi di (a)(i).

_____

_____

_____

_____

_____

[3 *markah*]

(b) Maklumat berikut berkaitan dengan sistem ekonomi sebuah negara:

Kerajaan mengawal semua pemilikan faktor pengeluaran.

Terangkan ciri-ciri sistem ekonomi negara tersebut.

_____

_____

_____

_____

_____

_____

[6 *markah*]

(c) Rajah berikut berkaitan dengan keseimbangan pasaran bagi buah durian.



Rajah 4

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

(ii) Tentukan jangka masa pengeluaran firma tersebut. Berikan alasan.

[2 *markah*]

(d) Jelaskan konsep kos sosial dalam konteks ekonomi berserta contoh yang sesuai

[5 *markah*]

Bahagian B
[40 *markah*]

Jawab mana-mana **dua** *soalan daripada bahagian ini.*

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

4. Maklumat berikut berkaitan satu keputusan kerajaan.

PUTRAJAYA : Seperti diumumkan oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, dalam Perutusan Tahun Baharu 2026 pada 5 Januari 2026, Kerajaan MADANI akan mula menyalurkan Sumbangan Tunai Rahmah (STR) Fasa 1 Tahun 2026 bermula 20 Januari 2026.

(Sumber: https://mof.gov.my/portal/ms/berita/siaran-media/sumbangan-tunai-rahmah-str-fasa-1-tahun-2026-disalurkan-mulai-20-januari-2026)

(a) Terangkan cara kerajaan memperoleh peruntukan tersebut. [4 *markah*]

(b) Dengan bantuan gambar rajah yang sesuai, jelaskan kesan keputusan tersebut terhadap pasaran barang. [7 *markah*]

(c) Keputusan kerajaan tersebut dapat meningkatkan taraf hidup rakyat. Buktikan. [9 *markah*]

5. Maklumat berikut berkaitan peranan institusi kewangan dan perancangan kewangan individu.

Kuala Lumpur: Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mengalu-alukan cadangan kerajaan meningkatkan gaji rakyat Malaysia di bawah kerangka Ekonomi MADANI. KWSP juga menitikberatkan kesedaran dalam perancangan kewangan dan persaraan bagi mengimbangi keperluan kewangan semasa dan kepentingan persaraan di masa hadapan.

"Selain memperkenalkan Khidmat Nasihat Persaraan (RAS) sejak 2014, KWSP berusaha menggalakkan penggunaan Panduan Belanjawanku yang dilancarkan dengan kerjasama Social Wellbeing Research Centre (SWRC) sebagai proksi penentuan kadar gaji minimum negara supaya taraf hidup rakyat Malaysia dapat ditingkatkan untuk menjalani kehidupan harian lebih selesa."

(Sumber: https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1010533/kwsp-sambut-baik-usaha-tingkat-gaji)

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Jawapan

Bab 1

1.1 Konsep Kekurangan, Pilihan dan Kos Lepas

1. (a) terhad

(b) tidak terhad

(c) Ilmu ekonomi adalah satu bidang sains sosial yang mengkaji cara manusia menguruskan sumber ekonomi yang terhad bagi memenuhi kehendak yang tidak terhad.

Aktiviti 1.1.1

1. (a) Adam Smith, Alfred Marshall, Paul Samuelson

(b) **Ekonomi klasik**
(i) sains kekayaan
(ii) tangan ghaib (*invisible hand theory*)
(iii) kegagalan pasaran

Ekonomi neoklasik
(i) kebajikan manusia
(ii) alat untuk mencapai matlamat
(iii) penawaran
(iv) permintaan
(v) minimum

(c) "Sains" merujuk kepada pendekatan **saintifik** yang melibatkan penggunaan **data empirikal**, model matematik, dan kerangka teori untuk menganalisis **fenomena ekonomi**, membuat ramalan, dan menguji **hipotesis**.
"Sosial" pula merujuk kepada **tingkah laku** manusia, interaksi, dan sistem kemasyarakatan.

2. (a) (i) keinginan manusia

(b) (i) sumber ekonomi
(ii) kehendak manusia

(c) (i) membuat keputusan
(ii) kehendak
(iii) pengorbanan

3.

Pernyataan		Faktor pengeluaran
(i)	Sanggup menanggung risiko	Usahawan
(ii)	Menyumbangkan tenaga mental dan fizikal	Buruh
(iii)	Individu yang kreatif dan inovatif	Usahawan
(iv)	Anugerah daripada alam semula jadi	Tanah
(v)	Berbentuk wang atau alatan	Modal
(vi)	Menggabung dan menyelaras faktor pengeluaran	Usahawan
(vii)	Terdiri daripada sumber yang boleh diperbaharui dan sumber tidak boleh diperbaharui	Tanah
(viii)	Digunakan untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan	Modal

Aktiviti 1.1.3

2. **Tanah**
Premis kedai piza
Modal
Komputer, ketuhar, karung "*hot pouch*", motosikal, perbelanjaan untuk membeli bahan mentah
Buruh
Tukang masak, penghantar piza
Usahawan
Pemilik kedai piza

4. (a) kos lepas

(b) (i) faedah
(ii) kedua terbaik

5.

Unit ekonomi	Isi rumah	Firma	Kerajaan
Maksud	Seorang atau sekumpulan individu yang tinggal dalam sebuah rumah	Unit ekonomi yang merancang penggunaan faktor pengeluaran untuk menghasilkan barang dan perkhidmatan	Unit ekonomi yang mempunyai kuasa untuk membuat dan menguatkuasakan undang-undang untuk menjaga kestabilan ekonomi
Kekurangan	Kekurangan pendapatan wang	Kekurangan faktor pengeluaran	Kekurangan hasil negara
Matlamat pilihan	Bermatlamatkan kepuasan maksimum	Bermatlamatkan keuntungan maksimum	Bermatlamatkan kebajikan rakyat yang maksimum
Kos lepas	Kepuasan yang mungkin daripada barang kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan	Keuntungan yang mungkin daripada keluaran kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan	Kebajikan yang mungkin diperoleh daripada projek pembangunan kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.